

Usah taksab kepada pemimpin: PM

UM 24 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam perlu menolak fahaman yang menuntut kesetiaan 100 peratus atau taksab terhadap pemimpin kerana amalan itu boleh menjerumus kepada ajaran sesat.

Perdana Menteri berkata umat Islam harus tahu menilai buruk dan baiknya sesuatu perkara dan tidak hanya mengikut sesuatu pendapat semata-mata kerana ia dibuat oleh pemimpin atau guru.

“Islam tidak menyuruh kita mendewa-dewakan pemimpin atau guru sehingga menganggapnya bersifat maktum dan boleh melakukan apa sahaja walaupun ianya bertentangan dengan ajaran Islam.

“Seandainya ini berlaku, maka akan berpecah-belahlah umat Islam dan sesatlah mereka. Islam juga akan hancur,” katanya dalam ucaptamanya di Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di Pusat Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia (Mines) di sini, hari ini.

Menurut Dr Mahathir, umat Islam hari ini lemah kerana terdapat perbezaan

pendapat yang dibuat pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan sendiri.

“Ini menyebabkan hubungan sesama umat Islam menjadi lemah, sekali gus sukar mempertahankan diri apabila diancam musuh.

“Lihat saja apa yang berlaku di Palestin apabila dikuasai Israel. Umat Islam yang mempunyai bilangan yang begitu ramai, tidak dapat berbuat apa-apa” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan sukar menangani ancaman ajaran sesat kerana perlu mengambil langkah bersestiaan.

“Kita perlu yakinkan orang ramai bahawa ia adalah ajaran sesat dengan sebab tertentu. Ia mesti jelas dengan tuntutan agama Islam dan mengikut hadis yang sahih sahaja.

“Adalah sukar untuk tentukan sesuatu ajaran itu sesat tapi kita perlu yakin ia adalah sesat jika ajaran itu menumpukan kepada kesetiaan kepada pemimpin.

“Bila kesetiaan itu lebih daripada agama dan persaudaraan Islam kita, tahulah ia adalah ajaran sesat,” katanya.

Menurutnya, kebanyakan amalan ini bermula dengan ajaran Islam yang sebenarnya tetapi lama kelamaan timbul sikap pentingkan diri sendiri oleh pemimpin yang kemudian mengambil kesempatan terhadap pengikutnya.

“Apabila sampai ke peringkat ini, pengikut ajaran berkenaan akan melakukan apa sahaja yang diarahkan guru mereka sehingga sanggup menghalalkan pembunuhan sesama Islam,” katanya.

Beliau berkata, jika ini berlarutan, umat Islam tidak jauh bezanya dengan masyarakat Arab ketika zaman jahiliah yang sanggup membunuh sesama sendiri kerana ketaksab-an kepada pemimpin kabilah yang tebal.

Dr Mahathir berkata, sejarah Islam membuktikan bahawa banyak kerajaan Islam yang agung pada satu ketika dahulu seperti kerajaan Sepanyol, tumbang dan akhirnya ditawan orang bukan Islam semata-mata kerana timbulnya pelbagai fahaman dan sikap ketaksab-an terhadap pemimpin sehingga umat Islam sanggup bermusuhan sesama sendiri.

Katanya, kehadiran Nabi Muhammad menerusi ajaran Islam berjaya mengikis sikap ketaksab-an kepada kabilah di kalangan umat Arab pada waktu itu dan meletakkan semua umat Islam bersaudara tanpa mengira pangkat atau keturunan.

“Mereka yang taksab kepada guru atau pemimpin boleh dikatakan sebagai golongan Asabiah yang sanggup berbuat apa saja demi kepentingan guru serta golongan mereka,” katanya.

Sambil mengambil contoh kumpulan Al-Maunah, Dr Mahathir berkata, pengikutnya mendewa-dewakan pemimpinnya sebagai manusia luar biasa.

“Kononnya pemimpin itu boleh mengajar mereka ilmu kebal supaya tidak ditembusi peluru. Ini semua hanya untuk meyakinkan pengikutnya supaya rasa berani dengan perjuangan mereka,” katanya.

Beliau berkata, perbuatan seperti ini hanyalah tindakan pengecut kerana golongan itu cuma berjuang selepas yakin diri tidak akan dicerca.

“Pejuang Islam termasuk nabi sendiri tahu mereka tidak kebal dan boleh ce-

dera dalam peperangan. Mereka yang percaya diri adalah kebal hanyalah menipu diri sendiri” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kini terdapat ajaran sesat yang disebarkan menerusi Internet untuk menjadi agenda politik golongan tertentu yang mahu menggulingkan serta memecah-belahkan umat Islam.

“Perkara ini (penyalahgunaan Internet) sukar dibendung kerana ia bukan datang dari negara ini tetapi dari negara lain,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, satu fahaman sesat yang disuntik ke dalam pemikiran pengikut golongan itu ialah anggapan bahawa kerajaan yang tidak mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya adalah bukan Islam dan kerajaan seperti itu wajib diperangi.

“Tidak mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya tidak bermakna sesebuah kerajaan itu tidak Islam atau menolak Islam.

“Hukum Islam adakalanya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana keadaan sesebuah negara itu dan ini tidak menjadikan negara Islam itu sebagai kafir,” katanya.